

BAHAGIAN PERTAMA : SAM'IYYAT

(1) *SAM'IYYAT* adalah :

1. perkara-perkara yang disabitkan wujud melalui al Quran dan Hadis nabi seperti bentuk Sirat, syurga, neraka dan perkara ghaib yang lain.
2. perkara yang berkait dengan alam ghaib yang tidak mampu pancaindera manusia mengetahuinya.

Dalil perkara tersebut:

Firman Allah s.w.t:

“dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.

Pengetahuan secara mendengar, sumber asasnya adalah berdasarkan al Quran dan Sunnah nabi s.a.w.

Kita beriman wujudnya Allah, Maha Esa, Maha Kuasa dan segala sifat-sifatNya yang Maha Agung. Namun akal kita tidak mampu untuk menggambarkan bagaimana adanya Allah dan Zat-Nya kerana Allah s.w.t “tiada sesuatupun Yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”.

Allah s.w.t telah memuji orang yang beriman dengan perkara ghaib dengan pujian yang tinggi dalam firman-Nya:

“Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang Yang (hendak) bertaqwa; * Iaitu orang-orang Yang beriman kepada perkara-perkara Yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki Yang Kami berikan kepada mereka”.

Erti “mereka beriman dengan perkara ghaib” adalah: mereka membenarkan perkara ghaib daripada pancaindera mereka seperti wujud Allah s.w.t dan sifat-sifatnya.

الجزء الأول : السمعيات

(1) السمعيات هي:

1. الأمور التي ثبتت عن طريق القرآن الكريم والسنة النبوية، ككيفية الصراط والجنة والنار وغيرها من الأمور الغيبية.
2. الأمور التي تتعلق بعوالم الغيبية لا قدرة لحواسنا البشرية على معرفتها.

* والدليل على ذلك، قال تعالى: وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ۝١

وبهذا أن المعارف السمعية فاعتمادها الأساسي مستمدة من كتاب الله وسنة رسول الله ﷺ.

* فنحن نؤمن بوجود الله تعالى وبوحدانيته وبقدرته وبكل صفة من صفاته الجليلة إلا أن عقولنا لا يستطيع أن يكيف وجوده وذاته تعالى، لأنه عز وجل لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۗ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝٢

* وقد مدح الله سبحانه وتعالى الذين يؤمنون بالغيب مدحا عظيما في قوله تعالى: ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝٣ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝٤

ومعنى " يؤمنون بالغيب": يصدقون بما غاب عن حواسهم كالوجود الله تعالى وصفاته.

^١ سورة الإسراء، الآية : ٨٥
^٢ سورة الشورى، الآية : ١١
^٣ سورة البقرة، الآية : ٢-٣

(2) MALAIKAT

Perkataan “*Malaikat*” diulang dalam al Quran lebih daripada 70 kali dan perkataan “*Malak*” disebut sebanyak 13 kali.

Alam Malaikat

Alam Malaikat adalah alam ghaib yang tidak boleh dicapai oleh pancaindera. Ini bererti Malaikat mereka tidak berbadan yang boleh diketahui dengan pancaindera. Kita tidak mengetahui hakikat dan bentuk mereka kecuali Allah sahaja.

Sifat-sifat Malaikat

Antara sifat-sifat mereka ialah:

- Mereka suci daripada nafsu syahwat dan dosa.
- Mereka tidak makan dan minum.
- Mereka tidak bersifat dengan kelakian atau keperempuanan atau khunsa’.
- Mereka mampu menjelma dengan pelbagai bentuk yang baik seperti malaikat yang datang kepada sayyidah Maryam dalam bentuk manusia yang sempurna.

Firman Allah s.w.t:

“dan bacakanlah (*Wahai Muhammad*) di Dalam Kitab Al-Quran ini perihal Maryam, ketika Dia memencilkan diri dari keluarganya di sebuah tempat sebelah timur. * kemudian Maryam membuat dinding untuk melindungi dirinya dari mereka maka **Kami** hantarkan kepadanya: roh dari Kami lalu ia menyamar diri kepadanya sebagai seorang lelaki Yang sempurna bentuk kejadiannya”.

Tempat Tinggal Malaikat

Malaikat tempat tinggal mereka adalah di langit.

Firman Allah s.w.t:

“lalu ia diseru dari sebelah bawahnya:” janganlah Engkau berdukacita (*Wahai Maryam*), Sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai”.

(٢) الملائكة

تكرر لفظ الملائكة في القرآن الكريم أكثر من ٧٠ مرة ولفظ ملك ١٣ مرة.

* عالم الملائكة:

عالم الملائكة عالم غيبي غير محسوس، بمعنى أن الملائكة ليس لهم وجود بدني يدرك بالحواس، ولا نعلم حقيقتهم وهيئتهم إلا الله وحده.

ومن صفاتهم:

– أنهم منزهون عن الشهوات وعن الآثام

– أنهم لا يأكلون ولا يشربون

– أنهم لا يتصفون بالذكور ولا بالأنوثة ولا بالخنوثة

– أنهم يقدر على الشكل بأشكال حسنة، كما جاء إلى السيدة مريم في صورة بشر سوي،

قال تعالى: **وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ اتَّيَبَدَّتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا ﴿٦٦﴾ فَاتَّخَذَتْ مِنْ دُونِهِمْ حِجَابًا**

فَأَرْسَلْنَا إِلَيْهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ﴿٦٧﴾^٤

* مسكن الملائكة

أن الملائكة مسكنهم السماء، قوله تعالى: **وَمَا نَنْزِلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ لَهُ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا**

بَيْنَ ذَلِكَ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾^٥

^٤ سورة مريم، الآية : ١٦ - ١٧

^٥ سورة مريم، الآية : ٦٤

Sebab turun ayat ini ialah malaikat Jibril a.s tidak turun kepada nabi s.a.w dalam tempoh yang agak lama. Apabila Jibril datang kepada baginda membawa wahyu lalu baginda bertanya kepadanya: “Wahai Jibril, apakah yang menghalang kamu menziarahi aku lebih kerap seperti sebelum ini?”. Jibril menjawab: “Sesungguhnya aku merindui kamu tetapi aku ini hamba yang menurut perintah, apabila aku diutus aku akan datang kepada kamu dan apabila aku ditahan aku tidak dapat datang menemui kamu”.

Bahan yang Allah guna untuk mencipta Malaikat seperti yang dijelaskan oleh nabi s.a.w : “Diciptakan Malaikat daripada cahaya, diciptakan jin daripada pucuk api yang menyala dan diciptakan Adam daripada tanah seperti yang telah diterangkan kepada kamu”. Iaitu daripada pati tanah.

Penciptaan malaikat lebih dahulu daripada penciptaan Adam iaitu bapa manusia, ini kerana Allah telah memberitahu kepada malaikat dengan penciptaan Adam dan akan menjadikannya sebagai khalifah di muka bumi ini.

Kelebihan Antara Manusia Dan Malaikat

ulamak yang membuat kajian mendalam berpendapat bahawa para nabi dan manusia yang terpilih adalah lebih mulia daripada malaikat kerana:

- Malaikat, ketaatan mereka kepada Allah adalah sifat semula jadi mereka. Manakala manusia, ketaatan mereka kepada Allah memerlukan kepada melawan hawa nafsu.
- Malaikat, mereka mengelak diri dari maksiat adalah fitrah yang Allah ciptakan mereka. Manakala manusia, mereka menjauhi maksiat memerlukan usaha dan melawan nafsu.

Perbezaan di kalangan mereka dari segi bentuk dan penciptaan mereka dijelaskan oleh firman Allah s.w.t :

“Segala puji tertentu bagi Allah Yang menciptakan langit dan bumi, Yang menjadikan malaikat utusan-utusan Yang bersayap: dua, tiga dan empat; ia menambah pada bentuk kejadian makhluk Yang diciptakannya apa jua Yang dikehendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Perbezaan di kalangan mereka dari segi martabat dan darjat mereka dijelaskan oleh firman Allah s.w.t :

“Tiada seorangpun di antara kami (malaikat) melainkan mempunyai kedudukan yang tertentu, [164] Dan Sesungguhnya kami benar-benar bershaf-shaf (dalam menunaikan perintah Allah).[165] Dan Sesungguhnya kami benar-benar bertasbih (kepada Allah).[166]”

* سبب نزول هذه الآية: أن جبريل عليه السلام تأخر في النزول على النبي ﷺ لفترة من الزمان، فلما جاءه بالوحي قال له ﷺ: "يا جبريل ما يمنعك أن تزورنا أكثر مما تزورنا؟" فقال له جبريل: إني كنت أشوق إليك ولكنني عبد مأمور إذا بعثت جئت وإذا حبست احتسبت".

* أما المادة التي خلقهم الله كما بينها النبي ﷺ قال: "خلقت الملائكة من نور وخلق الجن من مارج من نار وخلق آدم مما وصف لكم" أي من سلالة من طين.

* أن خلق الملائكة سابقا على خلق آدم أبي البشر، لأن الله تعالى قد أخبر الملائكة بخلقه وأنه سيجعله خليفة في الأرض.

* التفاضل بين البشر والملائكة

قال المحققون من العلماء أن الأنبياء والأخيار من البشر أفضل من الملائكة لأن:

- الملائكة طاعتهم لله طبيعة فيهم، وأما بنوا آدم فطاعتهم لله تعالى يحتاج إلى مقاومة الشهوات.
- الملائكة انصرفهم عن المعاصي فطرة فطرهم الله عليها، وأما بنوا آدم اجتنابهم عن المعاصي يحتاج إلى المجاهدة ومقاومة الشهوات.

وأما تفاوتهم في هيتهم وخلقهم فيشير إليه قوله تعالى:

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا أُولَىٰ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَاثَ ۖ وَرُبْعَ ۖ يَزِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

وأما تفاوتهم في الرتبة والدرجة فيشير إليه قوله تعالى: وَمَا مِنَّا إِلَّا لَهُ مَقَامٌ مَّعْلُومٌ ﴿٧﴾ وَإِنَّا لَنَحْنُ

الصَّافُونَ ﴿٨﴾ وَإِنَّا لَنَحْنُ الْمُسَبِّحُونَ ﴿٩﴾

^٦ سورة فاطر، الآية : ١
^٧ الصافات : ١٦٤ - ١٦٦

Tugas-tugas malaikat

- Memuji dan mengagungkan Allah serta taat sepenuhnya kepada pencipta mereka.
Firman Allah swt :
“Dan kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”.
- Memberi / mendoakan kesejahteraan kepada orang mukmin dan mengazab orang kafir.
- Menyampaikan apa yang Allah perintah mereka sampaikan kepada hamba-hamba-Nya dan ketua malaikat ini ialah Jibril a.s.
- Mereka berdoa untuk orang mukmin keampunan dan dicucuri rahmat Allah.
- Mereka menulis amalan manusia.
- Mencabut nyawa ketika di akhir ajalnya.
- Menetapkan hati orang mukmin ketika mereka sedang berperang dengan musuh Allah dan musuh mereka.
- Berselawat ke atas nabi s.a.w dan ke atas orang mukmin.
- Menyebut amin bersama orang yang solat secara berjemaah.
- Mereka hadir solat Subuh dan Asar setiap hari bersama orang yang solat secara berjemaah.
- Mendoakan kesejahteraan untuk penuntut ilmu dan mengembirakan mereka.

*وظائف الملائكة

- (أ) التسبيح والتقدیس والطاعة التامة لخالقهم عز وجل
قال الله تعالى : وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ^٨
- (ب) تحية المؤمن وتعذيب الكافرين
- (ج) تبليغ ما يأمرهم الله بتبليغه إلى من يشاء من عباده وعلى رأس هؤلاء جبريل عليه السلام.
- (د) دعاؤهم للمؤمنين بالمغفرة والرحمة
- (هـ) كتابتهم لأعمال الإنسان
- (و) قبض الأرواح عند نهاية الآجال
- (ز) تثبيت قلوب المؤمنين وهم يقاتلون أعداء الله وأعداءهم
- (ح) الصلاة على النبي ﷺ وعلى المؤمنين
- (ط) تأمينهم مع المصلين
- (ك) حضورهم صلاة الفجر وصلاة العصر من كل يوم مع المصلين
- (ل) تحيتهم لأهل العلم وفرحهم بهم

^٨البقرة : ٣٠

(3) JIN

Percakapan “Jin” diulang dalam al Quran sebanyak 29 kali, kadang-kadang menggunakan lafaz “*al Jin*” dan kadang-kadang dengan lafaz “*al Jan*”.

Hakikat Jin

Jin adalah alam ghaib yang tidak dapat dilihat asal kejadiannya atau rupanya yang sebenar kecuali Allah. Ia mampu membentuk dirinya dengan pelbagai bentuk.

Bahan yang Allah ciptakan jin

Allah ciptakan jin daripada angin panas yang boleh membunuh.

Firman-Nya: “*dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat Yang kering, Yang berasal dari tanah kental Yang berubah warna dan baunya. * dan jin pula, Kami jadikan Dia sebelum itu, dari angin api Yang panasnya menyerap ke liang bulu roma*”.

Al insan – Adam a.s

Solsol – tanah kering yang akan mengeluarkan bunyi apabila ia bergerak atau

Hama’ – tanah yang terlalu hitam dan berubah baunya

Masnun – berbentuk

Kumpulan jin dan dalil mereka ditaklifkan Allah

Al Quran telah menyebut bahawa jin mempunyai berbagai jenis, antaranya:

Mukmin – Soleh – Fasik – kafir

Begitu juga jin adalah seperti manusia dari sudut taklif dalam hukum syara’ dan mengabdikan diri kepada Allah yang Maha Esa.

Firman Allah s.w.t:

“*Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu Rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, Yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu (perintah-perintahKu), dan Yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu Dengan hari (kiamat) ini? mereka menjawab: "Kami menjadi saksi mengakui akan (kesalahan) diri Kami sendiri (mendustakan Rasul-rasul itu)". dan (sebabnya ialah) mereka telah diperdayakan oleh (kemewahan) hidup di dunia dan (kerana itulah) mereka menjadi saksi (pada hari akhirat) terhadap diri mereka sendiri: (bahawa) Sesungguhnya mereka adalah orang-orang Yang mengingkari (Apa Yang telah disampaikan oleh Rasul-rasul itu)*”.

(3) الجن

تكرر هذا اللفظ في القرآن الكريم تسعا وعشرين مرة، تارة بلفظ الجن وتارة بلفظ الجان.

* حقيقة الجن

الجن عالم غيبي ولا يرى طبيعته ولا بصورته الحقيقية إلا الله، وله قدرة التشكل بأشكال مختلفة.

* المادة التي خلقهم الله من الريح الحارة التي تقتل، قال تعالى: **وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ مِنْ**

حَمِئٍ مَّسْنُونٍ ﴿٢٧﴾ وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ ﴿٢٨﴾^٩

المراد بالإنسان : آدم عليه السلام

والصلصال : الطين اليابس الذي يحدث صوتا إذا حر أو نقر عليه

والحماء : الطين إذا اشتد سواده وتغير رائحته

والمسنون : المصور

* طوائف الجن ودليل تكليفهم

قد ذكر القرآن أن الجن طوائف متعددة، منهم:

المؤمنون – الصالحون – الفاسقون – الكافرون

* وكذلك أن الجن كالإنسان في التكليف الشرعية والعبادة لله تعالى وحده، قال تعالى: **يَمَعَشِرَ الْجِنَّ**

وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِنْكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِي وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا قَالُوا شَهِدْنَا

عَلَى أَنْفُسِنَا وَغَرَّبْتَهُمُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَسَهِدُوا عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٠﴾^{١٠}

^٩ سورة الحجر، الآية: ٢٦ - ٢٧

^{١٠} سورة الأنعام، الآية: ١٣٠

Tabiat kejadian jin

Jin mempunyai keturunan seperti manusia. Mereka dapat melihat manusia tetapi manusia tidak dapat melihat mereka.

Firman Allah s.w.t:

“dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; lalu mereka sujud melainkan Iblis; ia adalah berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya. oleh itu, Patutkah kamu hendak menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib Yang menjadi pemimpin selain daripadaku? sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. amatlah buruknya bagi orang-orang Yang zalim: pengganti Yang mereka pilih itu”.

Jin dan Syaitan

Jin terbahagi kepada dua jenis:

- Jenis yang beriman dan soleh serta istiqamah mematuhi perintah Allah.
- Jenis yang kufur terhadap Allah dan sentiasa berada dalam kesesatan – (jenis ini keturunan Iblis iaitu bapa syaitan).

Lafaz “syaitan” adalah dari kata kerja “syatana” bermaksud “jauh” kerana tabiat kejadiannya jauh daripada perkara-perkara kebaikan.

Perkataan “syaitan” diulang dalam al Quran sebanyak 70 kali dan perkataan “syayatin” diulang sebanyak 17 kali.

Firman Allah s.w.t: “*Sesungguhnya Syaitan adalah musuh bagi kamu, maka Jadikanlah Dia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya); sebenarnya Dia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi dari penduduk neraka*”.

Qarin (teman)

Daripada Abdullah bin Mas’ud bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: “*Tidak ada seorang pun di kalangan kamu (manusia) kecuali bersamanya qarin di kalangan jin. Sahabat bertanya: Termasuk kamu juga, wahai rasulullah?. Baginda menjawab: Ya, namun Allah telah menolong aku menguasainya lalu ia memeluk Islam dan ia tidak menyuruh aku kecuali perkara kebaikan*”.

Jin tidak mengetahui perkara ghaib

Firman Allah s.w.t: “*Tuhanlah sahaja Yang mengetahui Segala Yang ghaib, maka ia tidak memberitahu perkara ghaib Yang diketahuinya itu kepada sesiapa pun, * Melainkan kepada mana-mana Rasul Yang di redaiNya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib Yang berkaitan Dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan Yang demikian) maka ia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat Yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu Selamat sampai kepada Yang berkenaan)*”.

* طبيعة الجن

الجن يتناسلون كالإنسان ويرون البشر دون أن يراهم البشر، قال تعالى: وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۖ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ۝۱۱

* الجن والشيطان

الجن قسمان:

- قسم آمن وأصلح واستقام على أمر الله
- قسم كفر بالله وأصر على ضلالة (وهذا القسم ينتسب إلى إبليس – وهو أبو الشياطين)

* ولفظ الشيطان من الفعل (شطن) بمعنى (بعد)، لأنه بطبعه بعيد عن كل خير.

* وتكرر لفظ الشيطان في القرآن سبعين مرة، وتكرر لفظ الشياطين سبع عشرة مرة.

قال تعالى: إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمَّ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِن أَصْحَابِ السَّعِيرِ ۝۱۲

* القرين

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه أن الرسول صلى الله عليه وسلم قال: "ما منكم من أحد إلا وقد وكل به قرين من الجن. قالوا: وإيّاك يا رسول الله؟. قال: وإيّاي إلا أن الله قد أعانني عليه فأسلم فلا يأمرني إلا بخير"

* الجن لا يعلمون الغيب

* قال تعالى: عَنِ الْمَغِيبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ۝ إِلَّا مَن ارْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْلُكُ مِن بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا ۝۱۳

۱۱ سورة الكهف، الآية : ۵۰

۱۲ سورة فاطر، الآية : ۶

۱۳ سورة الجن، الآية : ۲۶ - ۲۷

Sesungguhnya Allah tidak membuka tabir perkara ghaib kepada seseorang pun di kalangan makhluknya kecuali Rasul a.s. yang demikian itu adalah sebagai *mukjizat* baginya yang membuktikan kebenarannya.

Allah menyebut dalam ayat tentang peristiwa kematian nabi Sulaiman a.s dan bagaimana Allah menyembunyikan kematian baginda daripada pengetahuan jin - yang digunakan untuk baginda dalam melakukan kerja-kerja yang sukar – dalam tempoh yang agak lama. Di sini nyatalah jin sebenarnya tidak mengetahui perkara ghaib.

Firman Allah s.w.t: “setelah Kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada Yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (*anai-anai*) Yang telah memakan tongkatnya. maka apabila ia tumbang, ternyatalah kepada golongan jin itu, Bahawa kalaulah mereka sedia, mengetahui perkara Yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di Dalam azab (*kerja berat*) Yang menghina”.

Perkara yang membantu manusia melawan syaitan

Orang yang ikhlas beribadat dan taat kepada Allah yang Maha Esa, maka syaitan tidak mampu mempengaruhi dan melakukan terhadap mereka apa-apa keburukan.

Firman Allah s.w.t: “Iblis berkata: " Wahai Tuhanku! kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) Demi Sesungguhnya Aku akan memperelokkan Segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan Aku akan menyesatkan mereka semuanya, * "Kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu Yang dibersihkan dari sebarang syirik". * Allah berfirman: "Inilah satu jalan Yang lurus, Yang tetap Aku memeliharanya. * "Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu sebarang Kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa Yang menurutmu dari orang-orang Yang sesat (dengan pilihannya sendiri). * "Dan Sesungguhnya neraka jahannam itu, tempat Yang dijanjikan bagi sekalian mereka (yang menurutmu)".

* أن الله لا يطلع الغيب أحدا من خلقه إلا الرسول عليه السلام وذلك ليكون معجزة له دالة على صدقه.

* يذكر الله في آية كيفية موت سليمان عليه السلام وكيف عمي الله موته على الجن المسخرين له في الأعمال الشاقة مدة طويلة، هنا تبين أن الجن لا يعلم الغيب.

قال تعالى: فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَهَمَهُمْ عَلَى مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنْسَأَتَهُ، فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ الْجِنُّ أَنْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ ﴿١٤﴾

* ما يعين الإنسان على الشيطان

ومن أخلص العبادة والطاعة لله وحده فإن الشيطان لا يستطيع أن يؤثر فيهم أو يمسهم بسوء،

قال تعالى: قَالَ رَبِّ بِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤﴾ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُحْلَصِينَ ﴿١٥﴾ قَالَ هَذَا صِرَاطٌ عَلَيَّ مُسْتَقِيمٌ ﴿١٦﴾ إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَنٌ إِلَّا مَنْ اتَّبَعَكَ مِنَ الْغَاوِينَ ﴿١٧﴾ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمَوْعِدُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٨﴾

^{١٤} سورة سبأ، الآية : ١٤
^{١٥} سورة الحجر، الآية : ٣٩ - ٤٣

(4) ROH

Manusia terdiri daripada jasad dan roh.

- **Jasad** adalah Sesutu yang berbentuk material yang dapat kita lihat dengan mata dan dapat kita rasa dengan pancaindera kita.
- **Roh** adalah sesuatu yang abstrak yang tidak dapat kita lihat dengan mata dan tidak dapat kita rasa dengan pancaindera kita serta kita tidak mengetahui hakikatnya kerana ianya adalah antara perkara ghaib yang Allah khaskannya dalam ilmu-Nya sahaja.

Firman Allah s.w.t: “*dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja"*”.

Sebab turunnya ayat ini: Imam Ahmad telah mengeluarkannya daripada Ibnu Abbas r.a berkata: orang Quraisy berkata kepada orang Yahudi: Berikan sesuatu yang boleh kami tanyakannya kepada lelaki ini iaitu Rasulullah s.a.w. Mereka berkata kepada Orang Quraisy: Kamu tanyalah dia tentang roh. Lalu mereka bertanya kepada nabi perkara tersebut. Kemudian turunlah ayat ini.

Roh dan pandangan ulamak tentangnya

- Dimaksudkan dengan “Roh” mengikut jumhur ulamak: Roh adalah sesuatu yang menghidupkan tubuh manusia. Apabila ia berpisah daripada tubuh, manusia akan mati.
- Dimaksudkan dengan “pertanyaan” di sini ialah soalan tentang hakikat sebenar Roh.

Qurtubi berkata: Ayat ini adalah dalil tentang penciptaan jin adalah urusan Allah. Manusia tidak mampu mengetahui hakikat jin dan bentuknya sedangkan ia tahu kewujudannya. Hikmat perkara tersebut adalah lemahnya akal untuk mengetahui makhluk yang berada di sekitarnya dan ini menandakan lemahnya akal untuk mengetahui hakikat penciptanya (pasti tidak mampu).

Roh dalam al Quran al Karim

Perkataan “Roh” diulang dalam al Quran sebanyak 21 kali, tetapi dengan makna berbagai, antaranya:

1. Dengan makna “wahyu”.

Firman Allah s.w.t: “*Dia lah Yang Maha tinggi darjat kebesarannya, Yang mempunyai Arasy (yang melambangkan keagungan dan kekuasaannya); ia memberikan wahyu dari hal perintahNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya di antara hamba-hambanya (yang telah dipilih menjadi RasulNya), supaya ia memberi amaran (kepada manusia) tentang hari pertemuan*”.

(٤) الروح

* الإنسان يتكون من جسد وروح.

الجسد - شيء مادي نراه بأعيننا ونحسه بحواسنا

الروح - شيء معنوي لا نراه بأعيننا ولا نحسه بحواسنا ولا نعرفه حقيقته لأنه غيب من الغيوب التي استأثر الله تعالى بها.

قال تعالى: وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾

* وسبب نزول هذه الآية: أخرج الإمام أحمد عن ابن عباس رضي الله عنهما قال: قالت قريش لليهود أعطونا شيئاً نسأل عنه هذا الرجل أي الرسول ﷺ. فقالوا لهم: سلوه عن الروح. فسألوه، فنزلت هذه الآية.

* الروح وما يقال عنها

- المراد بالروح عند جمهور العلماء: ما يحيا به بدن الإنسان وبمفارقة للجسد يموت الإنسان.
- المراد بالسؤال هنا إنما هو عن حقيقة الروح.

* وقال القرطبي: هذه الآية دليل على خلق الروح من أمر الله ولا يستطيع الإنسان إدراك حقيقته وكيفيته مع العلم بوجودها، والحكمة من ذلك تعجيز العقل عن إدراك معرفة مخلوق مجاور له للدلالة أن عجزه إدراك حقيقة خالقه أولى.

* الروح في القرآن الكريم

تكرر لفظ الروح في القرآن الكريم إحدى وعشرين مرة، ولكن بمعان متنوعة، منها:

١. بمعنى الوحي: قال تعالى: رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ ذُو الْعَرْشِ يُلْقِي الرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ

لِيُنذِرَ يَوْمَ التَّلَاقِ ﴿١٧﴾

^{١٦} الإسراء، الآية : ٨٥

^{١٧} سورة غافر، الآية : ١٥

2. Dengan makna “kekuatan dan teguh pendirian”.

Firman Allah s.w.t: “*mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman Dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka Dengan semangat pertolongan daripadanya*”

3. Dengan makna “Jibril”.

Firman Allah s.w.t: “*ia dibawa turun oleh malaikat Jibril Yang amanah. * ke Dalam hatimu, supaya Engkau (Wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia)*”.

4. Dengan makna “Al Quran”.

Firman Allah s.w.t: “*dan Demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati – adalah perintah kami)*”.

Roh dan Jiwa

Perkataan “Roh” dan “Jiwa” tidak ada beza antara keduanya dari segi ertinya. Lafaz “an Nafs” disebut dalam al Quran hamper 300 kali.

Firman Allah s.w.t: “*Allah (yang Menguasai segala-galanya), ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang Yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang Yang tidak mati: Dalam masa tidurnya; kemudian ia menahan jiwa orang Yang ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa Yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya Yang ditentukan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandungi tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum Yang berfikir (untuk memahaminya)*”.

Ayat tersebut menunjukkan bahawa mati jiwa lebih umum daripada kematian sebenar, kerana di sana terdapat dua kematian:

- Wafat Kubra – melalui kematian sebenar.
- Wafat Sughra – berlaku ketika tidur.

Firman Allah s.w.t: “*dan Dia lah Yang menidurkan kamu pada waktu malam*”.

Sifat nafsu / jiwa manusia

Nafsu manusia mempunyai beberapa sifat:

1. *Nafsu yang menyuruh kepada keburukan* iaitu nafsu yang mengajak tuannya melakukan kejahatan dan maksiat.

Firman Allah s.w.t: “*Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang Yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani*”.

٢. بمعنى القوة والثبات:

قال تعالى: *أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ*^{١٨}

٣. بمعنى جبريل:

قال تعالى: *نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٥﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٦﴾*^{١٩}

٤. بمعنى القرآن: قال تعالى: *وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا*^{٢٠}

* الروح والنفس

أن لفظ الروح ولفظ النفس لا فرق بينهما من حيث المعنى، وقد تكرر لفظ النفس في القرآن ما يقرب ثلاثمائة مرة.

قال تعالى: *اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تُمُتْ فِي مَنَامِهَا فِيمَسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ*^{٢١}

* فالآية الكريمة تشير إلى أن التوفي للأَنْفُس أعم من الموت، إذ أن هناك وفاتين: وفاة كبرى وتكون عن طريق الموت ووفاة الصغرى وتكون عن طريق النوم. قال تعالى:

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُم بِاللَّيْلِ

* صفات النفس الإنسانية

النفس الإنسانية لها صفات:

١. *النفس الأمارة بالسوء* هي التي تدعوا صاحبها إلى ارتكاب السيئات والمعاصي.

قال تعالى: *وَمَا أُبْرِئُ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَّحِيمٌ*^{٢٢}

^{١٨} سورة المجادلة، الآية: ٢٢

^{١٩} سورة الشعراء، الآية: ١٩٣-١٩٤

^{٢٠} سورة الشورى، الآية: ٥٢

^{٢١} سورة الزمر، الآية: ٤٢

^{٢٢} سورة الأنعام، الآية: ٦٠

^{٢٣} سورة يوسف، الآية: ٥٣

2. *Nafsu yang mencela diri sendiri* iaitu nafsu yang mencela tuannya kerana tidak banyak melakukan perkara kebaikan atau meninggalkan kejahatan.

Firman Allah s.w.t: “*Aku bersumpah Dengan hari kiamat; * dan Aku bersumpah Dengan "Nafsul Lawwaamah" (bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati)!*”.

3. *Nafsu yang tenang* iaitu nafsu yang sampai ke darjat yang paling tinggi dalam ibadat dan ketaatan kepada Allah tuhan semesta alam.

Firman Allah s.w.t: “*Wahai orang Yang mempunyai jiwa Yang sentiasa tenang tetap Dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! - * Kembalilah kepada Tuhanmu Dengan keadaan Engkau berpuas hati (dengan Segala nikmat Yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu) ! - * Serta masuklah Engkau Dalam kumpulan hamba-hambaKu Yang berbahagia - * Dan masuklah ke Dalam SyurgaKu!*”.

٢. *النفس اللوامة* هي التي تلوم صاحبها على عدم الإكثار من فعل الخيرات والإقلاع عن الشر.

قال تعالى: لَأَ أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ﴿٢٠﴾ وَلَا أَقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ﴿٢١﴾^{٢٤}

٣. *النفس المطمئنة* هي التي وصلت إلى أسمى درجات العبادة والطاعة لله رب العالمين.

قال تعالى: يَتَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنِّةُ ﴿٢٠﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢١﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٢﴾

وَأَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٢٣﴾^{٢٥}

^{٢٤} سورة القيامة، الآية : ٢٠ - ٢١
^{٢٥} سورة الفجر، الآية : ٢٧ - ٣٠

(5) KEHIDUPAN DI ALAM KUBUR

Antara perkara ghaib yang mana akal tidak dapat mengetahuinya kecuali melalui al Quran dan Hadis ialah kehidupan di alam kubur dan perkara yang berlaku di dalamnya seperti persoalan yang dikemukakan kepada si mati, nikmat dan azab kubur atau baik dan buruknya.

Dalil persoalan dalam kubur, nikmat dan azabnya

1. Firman Allah s.w.t: “Allah menetapkan (pendirian) orang-orang Yang beriman Dengan kalimah Yang tetap teguh Dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang Yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah berkuasa melakukan apa Yang dikehendakiNya”.

- Dimaksudkan dengan “kehidupan dunia” ialah tempoh kehidupan mereka di dunia ini.
- Dimaksudkan dengan “kehidupan akhirat” ialah perkara yang merangkumi soal jawab dalam kubur dan perhitungan di padang Mahsyar.
- Dimaksudkan dengan “kalimah Yang tetap teguh” dalam ayat ini adalah perkataan yang benar.

2. Firman Allah s.w.t: “mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada Dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): “Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke Dalam azab seksa api neraka Yang seberat-beratnya!”

- Firaun dan pengikutnya dibentangkan di atas api di dunia ini pada awal siang hingga ke petang semasa mereka berada dalam kubur.

3. Daripada Anas r.a dari nabi s.a.w berkata: “*Sesungguhnya hamba itu apabila diletakkan mayatnya dalam kubur dan para sahabatnyabersurai, ia akan mendengar bunyi derapan sepatu mereka – ia mendengar langkah pulang mereka – lalu datang kepadanya dua malaikat mengadapnya dan berkata kepadanya: apa pandangan kamu tentang lelaki ini (Muhammad s.a.w)?* sekiranya mukmin ia akan berkata: *Aku bersaksi bahawa dia adalah hamba Allah dan pesuruhnya. Maka dikata padanya: Lihatlah tempat tinggal kamu dalam neraka (tempat yang kamu akan diazab di dalamnya) sekiranya kamu tidak Islam. Namun sesungguhnya Allah telah menukar tempat di neraka ke syurga. Lalu ia melihat kedua-duanya*”.

4. Bukhari, Muslim dan Nasa’I meriwayatkan bahawa nabi s.a.w berdoa kepada Allah s.w.t: “*Ya Allah sesungguhnya aku berlingung dengan Engkau dari azab kubur, azab neraka, fitnah kehidupan dan kematian serta fitnah Dajjal*”.

Perbicaraan secara mendalam tentang kubur dan azabnya

Kita beriman dengan keyakinan yang mendalam tentang nikmat kubur dan azabnya namun kita mengelak daripada membicarakannya secara berlebih-lebihan berkaitan bentuk nikmat atau azab ini kerana Allah mengkhususkan perkara tersebut di dalam ilmu-Nya sahaja.

(5) أحوال القبر

هي من الأمور الغيبية لا مجال للعقل إدراكها إلا عن القرآن والسنة أحوال القبر وما يحدث فيه من سؤال للميت ومن نعيم وعذاب أو خير وشر

* أدلة سؤال القبر ونيعمه وعذابه:

١. قال تعالى: يَبَيِّنُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٢٧﴾

* المراد بالحياة الدنيا : مدة حياتهم في هذه الدنيا.

* المراد بالحياة الآخرة : ما يشمل سؤالهم في القبر، وسؤالهم في مواقف القيام.

* المراد بـ "القول الثابت" في الآية هي القول الصادق.

٢. قال تعالى: النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٢٧﴾

أن فرعون واتباعه يعرضون على النار في الدنيا أول النهار وآخره وهم في قبورهم.

٣. عن أنس رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: " إن العبد إذا وضع في قبره وتولى عنه أصحابه وإنه ليسمع قرع نعوهم – أي ليسمع حركة انصرافهم – أتاه ملكان فيقصدانه فيقولان له: ما كنت تقول في هذا الرجل أرى في محمد صلى الله عليه وسلم؟ فأما المؤمن فيقول: أشهد أنه عبد الله ورسوله. فيقال له: انظر إلى مقعدك من النار أرى إلى مقعدك الذي كنت ستعذب فيه لو لم تكن مسلماً قد أبدلك الله به مقعداً من الجنة فيراهما جميعاً".

٤. روي البخاري ومسلم والنسائي أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يدعو الله تعالى بقوله: اللهم إني أعوذ بك من عذاب القبر ومن عذاب النار ومن فتنة الحيا والممات ومن فتنة المسيح الدجال.

* الخوض في القبر وعذابه

إننا نؤمن بإيماننا عميقاً بنعيم القبر وعذابه إلا أننا نترك الخوض في كيفية هذا النعيم أو العذاب لأنه استأثر الله بعلمه.

٢٦ سورة إبراهيم، الآية : ٢٧
٢٧ سورة غافر، الآية : ٤٦

(6) TANDA HAMPİR BERLAKU QIAMAT

Masa berlaku kiamat tidak diketahui kecuali Allah sahaja. Ianya adalah antara perkara ghaib yang Allah mengkhususkan perkara tersebut di dalam ilmu-Nya, tidak didedahkan kepada malaikat yang paling dekat atau nabi yang diutus.

Firman Allah s.w.t: *"mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun Yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan dia. (huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk Yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut", mereka bertanya kepadamu seolah-olah Engkau sedia mengetahuinya. katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak Mengetahui".*

Disembunyikan Masa Berlaku Kiamat

* Sebab disembunyikan masa berlaku kiamat daripada pengetahuan manusia supaya mereka sentiasa berhati-hati. Situasi ini dapat mendorong mereka melakukan ketaatan dan menakutkan mereka daripada melakukan maksiat.

Tanda-tanda kiamat

Ulamak telah menyebut bahawa masa hampir berlaku kiamat mempunyai tanda-tanda kecil dan tanda-tanda besar.

- Tanda-tanda kecil, antaranya:

1. Kebangkitan Rasulullah s.a.w

Dalam hadis sahih yang dikeluarkan oleh Bukhari, Muslim dan Tirmizi daripada Anas r.a bahawa nabi s.a.w bersabda: *"Aku diutuskan ketika itu jarak masa antara aku dan kiamat seperti dua jari ini – baginda menunjukkan jari telunjuk dan jari tengahnya".*

2. Ibu Melahirkan Tuannya

Dalam hadis yang dikeluarkan oleh Bukhari & Muslim dan lainnya dalam hadis yang panjang ... *"Lelaki itu berkata: Beritahu kepadaku tentang tanda-tandanya?. Nabi s.a.w menjawab: Ibu akan melahirkan tuannya, kamu akan melihat pengembala kambing yang miskin mereka berlumba-lumba membina bangunan tinggi".*

3. Sedikit Ilmu Yang Berfaedah

Dalam hadis sahih daripada Abu Hurairah bahawa nabi s.a.w bersabda: *"Tidak berlaku kiamat sehingga berbunuhan dua pasukan yang besar dan berlaku di kalangan mereka ramai yang terbunuh dan seruan yang mereka bawa adalah sama dan sehingga ilmu diangkat ...".*

(٦) علامات قرب وقوع الساعة

أن وقت قيام الساعة لا يعلمه إلا الله تعالى وحده، فهو من الغيوب التي استأثر الله بعلمها دون أن يطلع عليها ملك مقرب أو نبي مرسل.

قال تعالى: *يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسِنُهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجِيبُهَا لَوْفَهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمُ إِلَّا بَغْتَةً ۗ يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ كَافٍ عِنَّا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ* ٢٨

* إخفاء وقت قيام الساعة

السبب في إخفاء وقت قيام الساعة عن الناس لكي يكونوا دائما على حذر، فيكون ذلك أذعى للطاعة وأزجر عن المعصية.

* أشراف الساعة

وقد ذكر العلماء أن لوقت قرب قيام الساعة علامات صغيرة وعلامات كبرى.

- العلامات صغيرة فمن أهمها:

(أ) بعثة الرسول ﷺ: وفي الحديث الصحيح الذي أخرجه البخاري ومسلم والترمذي عن أنس رضي الله عنه قال: *"بعثت أنا والساعة كهاتين"*، وأشار بالسبابة والوسطى.

(ب) ولادة الأمة ربتها: ففي الحديث أخرجه الشيخان وغيرهما في حديث طويل ... قال فأخبرني عن أمارتها أي علامتها؟. قال ﷺ: *"أن تلد الأمة ربتها، وأن ترى الحفاة العراة رعاء الشاء يتطاولون في البنيان"*.

(ج) قلة العلم النافع: ففي الصحيحين عن أبي هريرة أن رسول الله ﷺ قال: *"لا يقوم الساعة حتى تقتتل فئتان عظيمتان تكون بينهما مقتلة عظيمة دعوتهما واحدة وحتى يقبض العلم ..."*

- Tanda-tanda besar, antaranya:

1. Keluar Binatang Yang Boleh Bercakap Dengan Manusia

Firman Allah s.w.t: “dan apabila sampai masa berlakunya hukuman atas manusia, Kami keluarkan untuk mereka sejenis binatang dari bumi, Yang akan menyatakan kepada mereka, Bahawa manusia telah tidak meyakini ayat-ayat keterangan dan pengajaran kami”.

* *Daabah* : nama bagi semua binatang yang bernyawa sama ada jantan atau betina, berakal atau tidak.

* “berlaku hukuman ke atas mereka”: hamper berlaku kiamat dan berakhirnya masa penerimaan iman dan taubat.

2. Terbit Matahari Dari Sebelah Barat

Dalam hadis sahih daripada Abu Hurairah bahawa nabi s.a.w bersabda: “Tidak berlaku kiamat sehingga matahari terbit dari sebelah barat. Apabila matahari itu terbit, manusia yang melihatnya akan beriman semuanya. Yang demikian itu ketika tidak berguna untuk seseorang itu *iman* yang ia belum beriman sebelumnya atau berusaha dengan imannya untuk melakukan kebaikan”.

3. Muncul Al Masih Dajjal

Dalam hadis sahih daripada Umar r.a bahawa nabi s.a.w meminta orang ramai diam pada hari “haji perpisahan”. Baginda mulakan ucapan dengan memuji Allah kemudian menyebut tentang Dajjal dengan begitu panjang lebar dan bersabda: “Allah tidak mengutus nabi kecuali untuk memberi peringatan kepada umatnya bahawa Dajjal akan keluar di kalangan kamu dan kamu akan tahu tentangnya, ianya tida tersembunyi lagi. Sesungguhnya tuhan kamu bukan yang buta sebelah mata dan Dajjal itu buta sebelah mata kanannya seperti mata sebelah”.

4. Turun Nabi Isa a.s

Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Abdullah bin Umar r.a bahawa nabi s.a.w bersabda: “Dajjal akan keluar di kalangan umatku dan tinggal selama 40 hari atau 40 bulan atau 40 tahun. Kemudian Allah bangkitkan nabi Isa bin Maryam a.s seperti wajah ‘Urwah bin Mas’ud – dari segi cantik dan elok penampilannya- lalu diperintahkannya memusnahkan Dajjal dan berjaya. Kemudian manusia tinggal selama tujuh tahun tidak ada apa-apa perselisihan antara dua orang ...”.

5. Lahir Imam Mahdi

Namanya ialah Muhammad bin Abdullah atau Ahmad bin Abdullah dari keturunan nabi s.a.w. beliau hidup selama 7 tahun, lalu keluar Dajjal. Kemudian turun nabi Isa a.s dan bekerjasama kedua-duanya memerangi Dajjal. Selepas itu Mahdi meninggal dunia dan nabi Isa a.s terus hidup selepasnya sehingga masa yang ditentukan Allah.

- العلامات كبرى فمن أهمها:

(أ) خروج الدابة التي تكلم الناس: قال تعالى: * وَإِذَا وَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَابَّةً مِّنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ كَانُوا بِآيَاتِنَا لَا يُوقِنُونَ ^{٢٩} ”

* والدابة : اسم لكل حيوان ذي روح سواء أكان ذكر أم أنثى، عاقلا أم غير عاقل.
المراد بوقوع القول عليهم: قرب قيام الساعة وانتهاء وقت الذي يقبل الإيمان أو التوبة.

(ب) طلوع الشمس من مغربها: ففي الصحيحين عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "لا تقوم الساعة حتى تطلع الشمس من مغربها، فإذا طلعت ورآها الناس آمنوا جميعا، وذلك حين لا ينفع نفسا غيما ما لم تكن آمنت من قبل أو كسبت في إيمانها خيرا".

(ج) خروج المسيح الدجال:

في الصحيحين عن عمر رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم استنصت الناس يوم حجة الوداع أى طلب السكوت فحمد الله وأثنى عليه ثم ذكر الدجال فأطنب في ذكره. وقال: ما بعث الله من نبي إلا أندر أمته، وأنه يخرج فيكم، فما خفي عليكم من شأنه فلا يخفي عليكم. وإن ربكم ليس بأعور، وإنه أعور العين اليمنى كأنه عينه طافية".

(د) نزول عيسى عليه السلام:

وروى الإمام مسلم في صحيحه عن عبدالله بن عمرو رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "يخرج الدجال في أمي فيمكث أربعين لا أدري أربعين يوما أو أربعين شهرا أو أربعين عاما، فيبعث الله عيسى بن مريم كأنه عروة بن مسعود أى في جماله وحسن هيئته فيطلبه فيهلكه، ثم يمكث الناس سبع سنين ليس اثنين عداوة . "

(هـ) ظهور الإمام المهدي:

وأن اسمه مُحَمَّد بن عبدالله أو أحمد بن عبدالله، وأنه من بيت النبوة، وأنه يملأ الأرض عدلا بعد ظلم ويمكث سبع سنين، فيخرج الدجال، ثم ينزل عيسى عليه السلام فيتعاون عيسى عليه السلام مع المهدي على قتل الدجال، ثم يموت المهدي ويبقى عيسى عليه السلام من بعده إلى وقت الذي يشاءه تعالى له.

^{٢٩} سورة النمل، الآية : ٨٢

(7) HARI AKHIRAT

Beriman dengan hari akhirat dan perkara yang berlaku padanya seperti kebangkitan, perhitungan, pahala dan azab adalah satu rukun dari rukun-rukun agama. Kehidupan dunia akan berakhir.

Firman Allah s.w.t: *“dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi Segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai Dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan Sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan Yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari Akhirat)”*.

- Persoalan sekarang, bagaimana syariat Islam mempersiapkan akal, hati dan perasaan manusia untuk menerima akidah beriman dengan hari akhirat dan perkara yang berlaku padanya seperti perhitungan, neraca timbangan, syurga, neraka dan lain-lain?.
- Untuk menjawab persoalan ini, boleh kita katakan bahawa al Quran telah menyelusuri berbagai cara untuk menanam akidah beriman dengan hari akhirat dan perkara yang berlaku padanya seperti perhitungan, neraca timbangan, syurga dan neraka dalam hati-hati manusia. Antaranya al Quran telah menerangkan;

1. Peringkat Kejadian Manusia Sejak Awal Hingga Akhirnya

Firman Allah s.w.t: *“dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; * kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan Yang kukuh; * kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebulu darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu Dengan daging. setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk Dia menjadi makhluk Yang lain sifat keadaannya. maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. * Kemudian, Sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati. * kemudian Sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat”*.

2. Manusia Wajib Berusaha Dalam Kehidupan Ini

Kerana dunia ini kesudahannya akan hilang. Allah menyuruh kita memakmurkan kehidupan kita di dunia ini dengan ikhlas beribadat kepada-Nya, dengan berkata yang baik dan amalan yang baik melalui perniagaan atau pembuatan atau pertanian dan lain-lain.

Firman Allah s.w.t: *“dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi soleh. ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dia lah Yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya Dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya”*.

* Dalam hadis nabi s.a.w berkata: *“Tidaklah seorang muslim itu menanam tanaman atau benih, kemudian dimakan hasilnya oleh burung atau manusia atau binatang kecuali ia memperoleh pahala sedekah”*.

(٧) اليوم الآخر

الإيمان باليوم الآخر وما فيه من بعث وحساب وثواب وعقاب ركن من أركان الدين، وأن الحياة الدنيا سينتهي. قال تعالى: وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ^{٣٠}

* والسؤال الآن: كيف هيئات شريعة الإسلام الأذهان والقلوب والمشاعر لتقبل عقيدة الإيمان باليوم الآخر وما فيه من حساب والميزان والجنة والنار وغيرها؟.

* للإجابة على هذه الأسئلة، نقول: لقد سلك القرآن الكريم طرقا شتى لغرس عقيدة الإيمان باليوم الآخر وما فيه من حساب والميزان والجنة والنار في قلوب الناس. وقد بين القرآن ذلك ومن أهمها:

١. مراحل خلق الإنسان منذ بدايته إلى نهايته.

قال تعالى: وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ^{٣١} ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ^{٣٢} ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ^{٣٣} فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ^{٣٤} ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ^{٣٥} ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ^{٣٦}

٢. الواجب عمله في هذه الحياة، وأن هذه الدنيا مصيرها إلى زوال والله أمرنا أن نعمل حياتنا فيها بإخلاص العبادة له عز وجل وبالأقوال الطيبة، والأعمال الصالحة عن طريق التجارة أو الصناعة أو الزراعة وغيرها.

قال تعالى: وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ^{٣٧}

* ففي الحديث النبي ﷺ قال: ما من مسلم يزرع زرعاً أو يغرس غرساً، فيأكل منه طير أو إنسان أو حيوان إلا كان له صدقة^{٣٨}.

^{٣٠} سورة العنكبوت، الآية: ٦٤

^{٣١} سورة المؤمنون، الآية: ١٢ - ١٦

^{٣٢} سورة هود، الآية: ٦١

3. Golongan Yang Bahagia Dan Celaka

* Golongan yang bahagia akan memulakan kehidupan baru di sana dengan pelbagai bentuk nikmat. Firman Allah s.w.t: “*dan jangan sekali-kali Engkau menyangka orang-orang Yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (Mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka Dengan mendapat rezeki*”.

* Golongan yang celaka akan memulakan kehidupan lain yang mencelakakan. Firman Allah s.w.t: “*mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada Dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke Dalam azab seksa api neraka Yang seberat-beratnya!"*”.

4. Hari Kiamat Hanya Diketahui Allah

Hari kiamat akan berlaku tidak ragu-ragu lagi tetapi masanya tidak diketahui kecuali Allah sahaja.

5. Golongan Yang Mengingkari

Firman Allah s.w.t: “*Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikanlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebulu darah beku, kemudian dari seketul daging Yang disempurnakan kejadiannya dan Yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara Yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan kami); dan Kami pula menetapkan Dalam kandungan rahim (ibu Yang mengandung itu) apa Yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa Yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu Yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula Yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu Yang telah diketahuinya dahulu. dan (ingatlah satu Bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan Yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman Yang indah permai. * (kedua-dua kenyataan) Yang tersebut membuktikan Bahawa Sesungguhnya Allah jualah Tuhan Yang sebenar-benarnya (yang berhak disembah), dan Sesungguhnya Dia lah Yang menghidupkan makhluk-makhluk Yang mati, dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. * dan Bahawa Sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak padanya, dan Bahawa Sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang Yang di Dalam kubur*”.

Dalil Berlakunya Hari Kebangkitan

- Dalil pertama – melalui perkembangan kejadian manusia dari satu keadaan ke satu keadaan lain. Banyak ayat al Quran yang membicarakan perkara ini.
- Dalil kedua – melalui pemerhatian terhadap bumi dan berpindahannya dari satu keadaan ke satu keadaan lain, seperti Firman Allah s.w.t: “*Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan Yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman Yang indah permai*”.

٣٣. السعداء والأشقاء:

* أما السعداء سيبدأون حياة جديدة فيها كل ألوان من النعم. قال تعالى:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أحيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرَزَقُونَ ﴿٣٣﴾

* أما الأشقاء فيبدأون حياة أخرى تعيسة. قال تعالى: النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ

السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٤٤﴾

٤٤. يوم القيامة علمه عند الله:

أن يوم القيامة آت لا شك فيه، ولكن في وقت لا يعلمه إلا الله تعالى وحده.

* قال تعالى: يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاهُ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ

عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ

نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِيَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ۖ وَمِنْكُمْ مَّن يَمُوتُ ۖ وَمِنْكُمْ مَّن يَرُدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ

لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا ۚ وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ

وَأُنبِتتْ مِن كُلِّ رَوْحٍ بِهِيجٍ ﴿٣٤﴾ ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّهُ يُخَيِّ الْمَوْتَىٰ وَأَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ ﴿٣٥﴾ وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَن فِي الْقُبُورِ ﴿٣٦﴾

الدليل على إمكانية البعث:

* أما الدليل الأول: عن طريق تطور خلق الإنسان من حال إلى حال كما في الآيات المذكورة.

* وأما الدليل الثاني: عن طريق مشاهدة الأرض وتنقلها من هيئة إلى هيئة أخرى كما قال تعالى:

وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ وَأُنبِتتْ مِن كُلِّ رَوْحٍ بِهِيجٍ ﴿٣٥﴾

^{٣٣} سورة ال عمران، الآية: ١٦٩

^{٣٤} سورة الحج، الآية: ٥-٧

^{٣٥} سورة الحج، الآية: ٥

Golongan yang mengingkari Hari Akhirat

Al Quran menceritakan pendapat Golongan yang mengingkari hari akhirat kemudian menolaknya dengan jawapan yang setimpal dengan uslub yang berbagai, antaranya:

(i) Menyerahkan Ilmu Berlakunya Hari Akhirat ini Kepada Allah Sahaja

Firman Allah s.w.t :

"mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun Yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan dia. (huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk Yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut". mereka bertanya kepadamu seolah-olah Engkau sedia mengetahuinya. katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak Mengetahui".

* Maksudnya: orang musyrikin bertanya kamu tentang masa berlakunya hari akhirat. Katakanlah kepada mereka wahai Rasul: masa berlakunya hari akhirat itu tidak diketahui kecuali Allah sahaja dan kiamat tidak datang kecuali secara tiba-tiba dan mengejut tanpa berlangah-langah.

(ii) Keadaan Golongan Yang Mengingkari Hari Kiamat ketika Hari Perhitungan

Amaran kepada golongan yang mengingkari hari kiamat dengan buruk kesudahannya. Mereka akan menyesal pada hari yang tidak berguna apa-apa penyesalan.

Firman Allah s.w.t :

